

IQRA'



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

أَقْلَ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmLibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

m/s 6

LIVE

HD

AMANAT 2021 Ketua Pustakawan

YBrs. Ts. Noor Hidayat Bin Adnan

*"Perpustakaan Digital
Pemangkin Kesarjanaan"*

Januari 2021

Dalam Talian

LIVE

0+0

Perpustakaan UiTM



m/s 8



m/s 7

LIVE

ICyberSecurity MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

m/s 16



FREE
BREAKFAST FOR STUDENTS

@PTAR KABS
THURSDAY,
14 JANUARY 2021 [7.30am - selesai]



Kunjungan Hormat ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa UITM

Amanat Ketua Pustakawan 2021

Live@PTAR Bicara Tokoh "Cyber Security Malaysia Cyber-SAFE Awareness Talk: "Excuse Me, Your Privacy is Showing"

Majlis Penganugerahan Diploma dan Ijazah
UITM Cawangan Kedah

Projek SDG2 ZEROHUNGER@PTARKABS BIL. 1

14 JANUARI 2020

Disediakan oleh : Hapsah Suut

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SARAWAK



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Samaraham 2 (PTAR 2) telah menerima lawatan pelajar program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah pada 29 Januari 2021. UiTM Sarawak memperkenalkan program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah iaitu yang pertama seumpamanya diperkenalkan di negara ini bagi mengiktiraf kerjaya mutawwif di peringkat pendidikan negara.

Modul yang dihasilkan adalah fokus kepada kualiti dan keperluan khusus dari industri umrah dan pelancongan Islam di Malaysia serta berdasarkan standard pekerjaan yang diliktiraf dengan penekanan kepada komponen praktikal dan pendedahan kepada latihan dalaman industri. Delegasi terdiri daripada 18 orang pelajar dan 4 orang pensyarah. Mereka dibawa melawat sekitar perpustakaan dan ke unit berkaitan serta diberikan penerangan mengenai koleksi dan servis di perpustakaan. Semoga dengan sedikit perkongsian maklumat ini dapat memberi manfaat kepada Delegasi.

MISI BANTUAN BANJIR

14 JANUARI 2020



Pada 14 Januari 2021, Skuad Kelab Kebajikan dan Rekreasi PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengambil satu inisiatif untuk menghantar bantuan bekalan makanan dan minuman kepada staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak yang terjejas dengan bencana banjir baru-baru ini akibat hujan lebat yang berterusan selama tiga hari berturut-turut. Antara staf yang telah mendapat bantuan ialah Encik Jamil Jawi yang tinggal di Kampung Rantau Panjang, Kuching dan Puan Hapsah Suut yang tinggal di Kampung Pinang, Samaraham.

Bencana banjir yang berlaku pada awal tahun ini telah menjaskan beberapa kawasan di daerah Kuching serta Kota Samaraham dan akan berterusan untuk beberapa hari lagi. Diharapkan sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan beban yang dihadapi. Ditambah lagi dengan kes COVID-19 yang semakin meningkat, mereka yang terlibat dengan bencana ini semestinya melalui hari yang sukar. Semoga mangsa-mangsa banjir di Sarawak terus tabah menghadapi dugaan ini. Usaha PTAR UiTM Cawangan Sarawak ini telah membuktikan bahawa institusi ini tidak hanya mengambil berat tentang kebijakan pelajar sahaja, tetapi juga kepada staf UiTM Cawangan Sarawak yang ditimpa musibah.